

# 300 nelayan terima manfaat

Dua mesin penghancur ais bernilai RM500,000 ditempatkan di jeti pendaratan ikan Nenasi

DIANA SURYA ABD WAHAB

PEKAN - Nelayan di kawasan Nenasi kini menarik nafas lega apabila kerajaan menerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Pahang telah menyumbangkan dua mesin penghancur ais (ice flakes) bernilai RM500,000 di jeti pendaratan ikan Nenasi, di sini.

Pengerusi Nelayan Kawasan (PNK) Nenasi, Abd Sukor Abu Samah berkata, dengan adanya mesin penghancur ais tersebut telah memberi manfaat kepada lebih 300 nelayan di sini.

Jelasnya, sebelum ini mereka terpaksa berulang-alik ke Kompleks LKIM Rompin bagi mendapatkan bekalan ais yang mencukupi.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah meluluskan peruntukan membeli sebanyak dua buah mesin penghancur ais bernilai kira-kira RM500,000 selepas kunjungannya ke jeti pendaratan ikan Nenasi ini sekitar Disember 2016.

"Dalam kunjungan beliau ke sini, ketika itu mesin yang lama dan

Fakharuddin (dua, kanan) diringi Abd Sukor (dua, kiri) melawat lokasi pembekalan ais di jeti pendaratan ikan Nenasi.



biasa digunakan nelayan di sini telah rosak dan mendapat nelayan perlu mengeluarkan kos sampingan untuk mendapatkan bekalan yang jauh.

"Kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada perdana menteri beliau atas bantuan ini dan juga LKIM yang memberikan pengurusan melibatkan mesin itu di bawah jagaan persatuan nelayan kawasan ini sekali gus dapat memberikan

pulangan yang lebih kepada per-satuan," katanya kepada pemberita di Majlis Jalinan Kasih LKIM bersama Persatuan Nelayan Kawasan Nenasi, di sini.

Turut hadir, Adun Bebar Datuk Mohammad Fakharuddin Mohd Ariff, Pengarah LKIM Negeri Pahang, Rashima Baharuddin.

Dalam program itu, mereka turut berkesempatan melihat operasi mesin penghancur ais yang sudah

beroperasi sejak tiga bulan lalu.

Dalam pada itu, menurutnya, mesin ini amat diperlukan bagi memastikan bekalan air batu yang digunakan oleh para nelayan tidak terputus.

"Ais yang dihasilkan amat berkualiti dan mampu menampung keperluan nelayan yang memerlukan bekalan ais untuk dibawa ke laut dan kembali semula ke darat (bekukan hasil laut).

"Mesin ini juga menjimatkan masa, tenaga serta wang kerana tidak perlu lagi mendapatkan bekalan di luar daerah... sebelum ini, PNK perlu mengeluarkan modal untuk urusan berkenaan dan membeli ais pada kadar RM20 bagi satu kilogram," katanya.

Sementara itu, Mohammad Fakharuddin berkata, kerajaan sentiasa prihatin dan menjaga kebijakan mereka.

"Bantuan-bantuan besar seperti ini yang diberikan kepada nelayan memberi manfaat bagi tempoh jangka panjang kepada mereka.

"Kini kita berikan bantuan berupa kemudahan bukan sahaja kepada golongan nelayan malahan perkara yang mampu menjana pendapatan persatuan pula," katanya.